

Tulis kata sendi nama yang betul.

untuk	demi	dengan
-------	------	--------

1. Galah yang paling panjang itu digunakan () mengait buah kelapa.
2. "Saya sanggup berkorban apa-apa sahaja () negara," kata askar itu.
3. Buah epal itu dipotong () sebilah pisau.

dari	daripada	pada	kepada
------	----------	------	--------

4. Almari baju itu diperbuat () kayu jati.
5. P.Ramlee berasal () Pulau Pinang.
6. Siti mengirim wang () neneknya.
7. Saya akan pergi ke Melaka () hari Sabtu ini.

di	ke	akan
----	----	------

8. Encik Tan rindu () keluarganya yang berada di luar negara.
9. Mei Mei tinggal () Sungai Petani.
10. Adik pergi () pasar bersama ibu.

sejak	tentang	hingga
-------	---------	--------

11. Dia bekerja di restoran itu () tiga tahun yang lalu.
12. Ayah bercerita () kemalangan yang berlaku semalam.
13. Nani berlari () dia penat.